

18/08/2002

Kuiz sains peringkat Asean tahun depan

KUALA LUMPUR: Malaysia akan menganjurkan kuiz sains peringkat Asean tahun depan sebagai satu usaha menggalakkan pelajar di rantau ini mendalami ilmu sains.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Kuiz Sains Nasional 2002, Datuk Dr Abdul Aziz SA Kadir, berkata negara mengambil inisiatif itu berikutan kebimbangan ahli akademik mengenai kurangnya pelajar jurusan Sains di sekolah dan peningkatan jumlah pelajar universiti yang gagal menamatkan pengajian Sains.

"Pelbagai usaha perlu dilakukan bagi mengembalikan minat pelajar termasuk penganjuran kuiz yang menawarkan pelbagai hadiah sebagai motivasi," katanya kepada pemberita selepas Kuiz Sains Nasional 2002 peringkat akhir semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua setiausaha (Operasi) Kem. Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Johar Murad; Pengarah Urusan Novozymes (M) Sdn Bhd, Lars C Hansen dan Timbalan Presiden Akademi Sains Malaysia, Datuk Ir Lee Yee Cheong.

Sekolah Menengah Sains Muzaffar Shah, Melaka muncul juara dalam pertandingan itu bagi merebut Piala Pusingan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hadiah lawatan sambil belajar bersama seorang guru pengiring ke Sweden dan Denmark, serta cek bernilai RM2,000 kepada sekolah serta sijil penyertaan. Pasukan yang diwakili pelajar tingkatan lima, Muhammad Ezzra Shah Rahman Shah, Muhammad Asyraf Syahabuddin Shahabuddin dan Mohd Daniel Djamalludin menewaskan tiga sekolah lain dalam pertandingan yang berlangsung di Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan, di sini.

Tiga sekolah lain yang bertanding adalah Sekolah Menengah All Saints, Sabah; Sekolah Menengah Sains (SMS) Kota Tinggi, Johor; dan Sekolah Menengah Datuk Abdul Razak, Negeri Sembilan yang menduduki tempat kedua, ketiga dan keempat.

Peserta Terbaik dimenangi Mohd Nazri Kasuan dari SMS Kota Tinggi yang berpeluang mengikuti lawatan sambil belajar ke Sweden dan Denmark.

Upacara perasmian dan penyampaian hadiah disempurnakan Johar bagi mewakili Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding.

Pertandingan Kuiz Sains Nasional adalah anjuran bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Akademi Sains Malaysia dan badan profesional sains lain.

Terdahulu, ketika membacakan teks ucapan Dr Law, Johar berkata, kementerian itu berharap lebih banyak syarikat swasta akan tampil membantu menjayakan program penggalakan sains dan teknologi bagi menghasilkan lebih ramai graduan dalam bidang itu.